

## **PANDUAN PENGGUNAAN ‘KEPUJIAN’ DALAM PENAMAAN PROGRAM AKADEMIK PERINGKAT SARJANA MUDA UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)**

### **Pendahuluan**

1. *Advisory Note* No. 3/2021 menggariskan penggunaan “Kepujian” dalam penamaan program Sarjana Muda, Tahap 6 *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) di perkara 8 iaitu:

“PPT boleh menentukan posisi/kedudukan “Kepujian” dalam penamaan program. Namun demikian, penggunaannya perlu konsisten dan selaras bagi semua program di PPT.”

2. Sehubungan itu, dokumen ini menggariskan kaedah penggunaan “Kepujian” dalam penamaan program akademik peringkat Sarjana Muda di Universiti Sultan Zainal Abidin.
3. Penamaan program yang lebih terperinci perlu merujuk kepada Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia terbitan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

### **Kaedah Penggunaan “Kepujian” dalam Penamaan Program**

Bil.	Struktur program	Huraian
1.	Major	Program yang mempunyai <b>sekurang-kurangnya 70%</b> komponen dalam sesuatu bidang utama program.  Contoh: Sarjana Muda Sains Aktuari dengan Kepujian <i>Bachelor in Actuarial Science with Honours</i>

Bil.	Struktur program	Huraian
2.	Major dengan Pengkhususan ( <i>Major with Specialisation</i> )	<p>Program yang mempunyai bidang pengkhususan tertentu yang meliputi <b>25-30%</b> pengetahuan dalam sesuatu bidang utama program.</p> <p>Bidang pengkhususan ini dinyatakan dalam kurungan.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Sains Komputer (Pengaturcaraan) dengan Kepujian <i>Bachelor of Computer Science (Programming) with Honours</i></p>
3.	Major-minor	<p>Program yang mempunyai bidang pengajian minor yang merangkumi <b>25-30%</b> pengetahuan dalam bidang pengajian lain daripada bidang utama.</p> <p>Penamaan program jenis ini menggunakan kata hubung '<b>dengan</b>' (<b>with</b>) antara bidang utama dan bidang pengajian lain.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Ekonomi dengan Matematik (Kepujian) <i>Bachelor in Economics with Mathematics (Honours)</i></p>
4.	Dwimajor ( <i>Double Major</i> )	<p>Program yang mempunyai disiplin umum yang sama dalam dua (2) bidang berbeza dengan peratus pengetahuan setiap bidang sebanyak <b>50%</b> daripada kandungan teras program.</p> <p>Penamaan program menggunakan kata hubung '<b>dan</b>' (<b>and</b>) antara bidang.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan (Kepujian) <i>Bachelor in Human Resource Management and Finance (Honours)</i></p>

Bil.	Struktur program	Huraian
5.	Dwi Ijazah ( <i>Double Degree</i> )	<p>Gabungan dua (2) program pengajian daripada <b>bidang yang berbeza</b> yang melibatkan institusi yang sama atau dua (2) institusi penganugerahan ijazah (<i>degree granting institutions</i>) yang bekerjasama dan setanding (<i>equal standing</i>) dan membawa kepada penganugerahan <b>dua (2) skrol</b> oleh institusi yang terlibat.</p> <p>Penamaan perlu merujuk kepada struktur program (item 1-4) yang dibangunkan.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Sains Matematik dengan Kepujian <i>Bachelor of Science in Mathematics with Honours</i></p> <p>Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian <i>Bachelor of Business Administration with Honours</i></p>
6.	Dual Ijazah ( <i>Dual Degree</i> )	<p>Gabungan dua (2) program pengajian daripada <b>bidang yang sama atau hampir sama</b> yang melibatkan dua (2) institusi penganugerahan ijazah (<i>degree granting institutions</i>) yang bekerjasama dan setanding (<i>equal standing</i>) dan membawa kepada penganugerahan dua (2) skrol oleh institusi yang terlibat.</p> <p>Penamaan perlu merujuk kepada struktur program (item 1-4) yang dibangunkan.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian <i>Bachelor in Finance with Honours</i></p> <p>Sarjana Muda Perbankan dengan Kepujian <i>Bachelor in Banking with Honours</i></p>

Bil.	Struktur program	Huraian
7.	Ijazah Bersama ( <i>Joint Degree</i> )	<p>Program pengajian yang melibatkan pembangunan program akademik baharu secara kerjasama oleh dua (2) atau lebih institusi penganugerah ijazah (<i>degree granting institution</i>) yang setanding (<i>equal standing</i>) dan membawa kepada penganugerahan satu (1) skrol oleh institusi yang terlibat.</p> <p>Penamaan perlu merujuk kepada struktur program (item 1-4) yang dibangunkan.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Sains Komputer (Pengaturcaraan) dengan Kepujian <i>Bachelor of Computer Science (Programming) with Honours</i></p>

**Panduan penggunaan ‘Kepujian’ dalam penamaan program akademik peringkat Sarjana Muda, Universiti Sultan Zainal Abidin ini perlu dibaca bersama:**

1. Advisory Note No. 3/2021 Penggunaan “Kepujian” Dalam Penamaan Program Sarjana Muda, Tahap 6 Malaysian Qualifications Framework (MQF)
2. Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia terbitan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), 2019
3. Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua terbitan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), 2018

**Kuatkuasa Kelulusan Senat Kali ke 188 Bil.3/2023 bertarikh 6 Mac 2023**